

PEMBELAJARAN JEDA MELALUI NYANYIAN PERMULAAN LAGU

Mah Kok Heng, Jamaludin Teh Ibrahim, Laura Rajamoney, Ching Ing Hoe & Lee Yoke Fun

Abstrak

Kajian tindakan ini bertujuan untuk membantu pelajar bernyanyi dengan pic yang betul serta mengenal pasti pelbagai jeda melalui nyanyian permulaan lagu kanak-kanak, tradisional dan rakyat. Sebahagian pelajar muzik PISMP, IPG Kampus Ilmu Khas tidak dapat bernyanyi dengan pic yang betul sebab kurang mahir mengenal pastikan jeda. Pelajar menghadapi kesukaran membeza pelbagai jeda yang diperdengarkan. Kumpulan sasaran adalah seramai 22 orang pelajar muzik PISMPambilan Januari 2011. Aktiviti-aktiviti tindakan dilaksanakan dengan nyanyian permulaan lagu bersama iringan muzik dan melodi; tanpa panduan melodi; dalam pelbagai nada dan nyanyian a cappella (tanpa iringan muzik). Ujian pra dan pasca mengandungi soalan-soalan pelbagai jeda bermelodik yang diperdengarkan. Ujian ditadbirkan sebelum dan selepas intervensi. Senarai semak dan ujian digunakan untuk mengumpul data dan dianalisis secara deskriptif. Markah ujian pra dan pasca kemudian dibandingkan. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelajar dapat mengecam dan mengenal pasti jeda dengan lebih mudah. Proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran untuk jeda menjadi lebih menarik melalui nyanyian permulaan lagu. Intervensi memberi manfaat yang tinggi kepada kumpulan pelajar sederhana lemah dan lemah. Kajian ini berpotensi untuk diperluaskan kepada guru muzik di sekolah dan dimodulkan. Kaedah pembelajaran jeda melalui nyanyian permulaan lagu boleh dilaksanakan oleh pelajar muzik IPGM semasa praktikum serta guru-guru muzik semasa pengajaran dan pembelajaran muzik di sekolah melalui aktiviti-aktiviti tindakan kajian.

Kata kunci: *pembelajaran jeda, lagu, nyanyian permulaan*

Pendahuluan

Pelajar muzik PISMP yang menghadapi masalah mengenal pasti jeda tidak dapat beryanyi dengan pic yang tepat. Sebagai bakal pendidik muzik, pelajar harus dapat mengenal pasti pic dengan betul. Pengenalpastian jeda dan menyanyi jeda dengan betul akan meningkatkan kemahiran bernyanyi dan secara langsung meningkatkan muzikaliti pelajar.

Muzik mempunyai pelbagai elemen dan melodi merupakan elemen muzik yang penting. Melodi adalah pic-pic yang dibunyikan dalam satu susunan muzikal yang sempurna dan berkontor. Dalam bidang muzik, pic yang tetap dinamakan ton. Not muzik adalah tanda-tanda yang diletakkan dalam baluk untuk menunjukkan kedudukan pic.

Menurut Forney dan Machilis (2007), pic bermaksud tinggi dan rendahnya sesuatu bunyi. Pic ditentukan melalui frekuensi iaitu bilangan getaran yang dihasilkan dalam satu saat dan diukur dalam unit ukuran *hertz*. Kamien (2011) menyatakan bahawa pic ialah relatif ketinggian dan kerendahan sesuatu bunyi dan gabungan pic-pic yang berlainan menghasilkan rangkaian melodi. Jarak pic antara not-not dalam rangkaian melodi itu dinamakan jeda. Jika jeda antara not-not dalam melodi tidak dapat dinyanyikan dengan betul, maka nyanyian melodi akan berbunyi sumbang (McDermott, 2010).

Jeda dikategorikan sebagai jeda perfek, major, minor, *augmented*, dan *diminished*. Bila pic-pic dibunyikan secara berasingan, ia dinamakan jeda bermelodik dan berharmonik bila pic-pic dibunyikan serentak. Jeda ujud dalam pembentukan motif, melodi, frasa lagu dan digunakan dalam pembinaan kord dan skel. Justeru, seseorang pemuzik mempelajari jeda untuk meningkatkan pengetahuan dan kebolehan mengintepretasi muzik, pembentukan melodi dan harmoni serta kemahiran pendengaran.

Pelbagai kaedah digunakan untuk membantu pelajar menyanyikan pic dan jeda dengan betul. Antaranya ialah penggunaan *mnemonics*. Menurut Soanes, Stevenson dan Hawker (2006) *Mnemonics* ialah sebarang teknik pembelajaran untuk membantu penyimpanan maklumat. *Mnemonics* bertujuan untuk menterjemah maklumat ke sesuatu bentuk yang membolehkan otak menyimpan maklumat dengan lebih baik daripada bentuk asalnya. McAlum, Harry, dan Sharon (2008) menggunakan *mnemonic device* sebagai alat pedagogi untuk memudahkan ingatan jeda. *Mnemonic device* yang dimaksudkan adalah penggunaan permulaan lagu-lagu popular. Contoh penggunaan lagu-lagu Bahasa Inggeris popular yang boleh digunakan sebagai mnemonic device untuk pembelajaran jeda ialah permulaan lagu *Jaws* (jeda minor ke 2), *Happy Birthday* (major ke 2), *Brahms's lullaby*, *"Go to sleep..."* (jeda minor ke 3), *'Do A Deer'* (jeda major ke 3), *'Here Comes the Bride'* (jeda perfek ke 4) dan *'Twinkle Twinkle Little Star'* (jeda perfek ke 5).

Fokus Kajian (Isu Kajian)

Sebahagian pelajar muzik PISMP, IPG Kampus Ilmu Khas ambilan Januari 2011 tidak dapat bernyanyi dengan pic yang betul serta kurang mahir mengenal pasti jeda. Pelajar-pelajar lemah ini menghadapi kesukaran membeza pelbagai jenis jeda yang diperdengarkan. Sehubungan itu, kaedah menggunakan permulaan lagu kanak-kanak, tradisional dan rakyat dan semasa digunakan untuk membantu pelajar mengenal pasti pelbagai jenis jeda. Proses tindakan menggunakan kaedah permulaan lagu sebagai *mnemonic device* untuk membantu pelajar menyanyi pic dengan betul serta mengenal pasti jeda dilaksanakan semasa pengajaran dan pembelajaran muzik dalam kelas.

Objektif Kajian

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Pelajar dapat bernyanyi permulaan lagu sepanjang 4 bar dengan pic yang betul;
- ii. Pelajar dapat mengenal pasti jeda major ke 2, minor dan major ke 3, perfek ke 4 dan ke 5 serta minor dan major ke 6 dalam pelbagai nada.

Kumpulan Sasaran

Seramai dua puluh dua pelajar pengkhususan Pendidikan Muzik PISMP ambilan Januari 2011, IPG Kampus Ilmu Khas disasarkan kerana sebilangan pelajar dalam kumpulan ini dikenal pasti mempunyai masalah nyanyian pic dengan betul dan mengenal pasti jeda.

Tindakan yang Dilaksanakan

Sumber yang digunakan untuk tindakan kajian merupakan kompilasi lagu kanak-kanak, tradisional, dan rakyat. Kibod muzik digunakan untuk memperdengarkan permulaan lagu-lagu dan mengiringi nyanyian permulaan lagu-lagu dalam Jadual 1. Jenis-jenis jeda pada permulaan lagu yang dipilih adalah major ke 2, minor dan major ke 3, perfek ke 4 dan ke 5 serta minor dan major ke 6. Aktiviti-aktiviti tindakan dilaksanakan dalam tempoh empat minggu.

Jadual 1

Senarai Permulaan Lagu-Lagu dengan Jenis Jedanya

Bil.	Nama Lagu	Jenis Jeda
1	Jala Jala ikan	Major Ke 2 (2 semiton)
2	Bunyi Binantang	Minor Ke 3 (3 semiton)
3	Lenggang Mak Limah	Major Ke 3 (4 semiton)
4	Ikan Kekek	Perfek Ke 4 (5 semiton)
5	Twinkle Twinkle (Lagu ABC)	Perfek Ke 5 (7 semiton)
6	Abang Balik Kampung	Major Ke 6 (8 semiton)

Peringkat aktiviti-aktiviti tindakan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Menyanyi permulaan lagu sepanjang empat bar dengan iringan muzik dan melodi lagu (Intro. dimainkan).
- ii. Menyanyi permulaan lagu sepanjang empat bar dengan iringan muzik tanpa panduan melodi (Intro. dimainkan).
- iii. Menyanyi permulaan lagu sepanjang empat bar dengan iringan muzik dalam pelbagai nada (Intro dimainkan)
- iv. Nyanyian *a cappella* (tanpa iringan muzik) sepanjang empat bar dalam pelbagai nada dengan kord tonik dimainkan.

Semua lagu dalam Jadual 1 dinyanyikan untuk setiap peringkat aktiviti tindakan dan pelajar diminta mengecam dan mengenal pasti jeda yang dibentukkan oleh dua not utama pada permulaan lagu-lagu yang dinyanyikan.

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Senarai semak dan ujian digunakan untuk mengumpul data dan dianalisis secara deskriptif. Markah ujian pra dan pasca kemudian dibandingkan.

Senarai Semak

Pengkaji menggunakan senarai semak untuk mencatatkan prestasi pelajar selepas setiap peringkat aktiviti tindakan dilaksanakan. Pelajar mesti dapat bernyanyi semua permulaan lagu sepanjang 4 bar dengan pic yang betul untuk mendapatkan tanda betul. Pengkaji sebagai pensyarah yang mengajar Kursus Aural dan Nyanyian Semerta 1 kepada pelajar menentukan prestasi nyanyian pelajar.

Berdasarkan dapatan yang dipaparkan dalam Jadual 2 dibawah, semua pelajar dapat bernyanyi permulaan lagu sepanjang empat bar dengan pic yang betul dalam aktiviti tindakan pertama. Terdapat seorang pelajar C2 tidak dapat bernyanyi permulaan lagu sepanjang empat bar dengan pic yang betul untuk aktiviti tindakan ke 2. Seramai 4 orang pelajar (B1, B7, C1 dan C2) tidak dapat bernyanyi permulaan lagu sepanjang empat bar dengan pic yang betul untuk aktiviti tindakan ke 3. Terdapat 2 pelajar dalam kumpulan A, lima pelajar dalam kumpulan B serta kedua-dua pelajar dalam kumpulan C tidak dapat bernyanyi permulaan lagu sepanjang 8 bar dengan pic yang betul untuk aktiviti tindakan ke 4.

Jadual 2

Senarai Semak: Prestasi Nyanyian Pelajar Untuk Aktiviti-Aktiviti Tindakan

Pelajar n=22	Aktiviti Tindakan 1		Aktiviti Tindakan 2		Aktiviti Tindakan 3		Aktiviti Tindakan 4	
	Pic Betul	Pic Tidak Betul	Pic Betul	Pic Tidak Betul	Pic Betul	Pic Tidak Betul	Pic Betul	Pic Tidak Betul
A1	√		√		√		√	
A2	√		√		√		√	
A3	√		√		√		√	
A4	√		√		√		√	
A5	√		√		√		√	
A6	√		√		√			X
A7	√		√		√		√	
A8	√		√		√		√	
A9	√		√		√			X
A10	√		√		√		√	
A11	√		√		√		√	
B1	√		√			X		X
B2	√		√		√		√	
B3	√		√		√		√	
B4	√		√		√			X
B5	√		√		√			X
B6	√		√		√			X
B7	√		√			X		X
B8	√		√		√		√	
B9	√		√		√		√	
C1	√		√			X		X
C2	√			X		X		X
JUMLAH	22	0	21	1	18	4	13	9

Sila rujuk penjelasan aktiviti-aktiviti tindakan pada 5.0 (Tindakan yang dilaksanakan)

Ujian Pra dan Pasca

Soalan-soalan ujian jeda dibina mengikut Proforma Aural dan Nyanyian Semerta 1 dan disediakan oleh panel pengkaji. Semasa ujian ditadbirkan, pelajar dimohon mengenal pasti jeda-jeda yang diperdengarkan. Ujian pra mengandungi 15 soalan ujian pendengaran (aural) berunsur jeda melodik yang ditadbirkan pada permulaan semester. Selepas markah diperolehi, pelajar dibahagikan kepada tiga kumpulan mengikut prestasi markah yang diperolehi: Kumpulan A (baik)= Skor antara 12-15 (80% - 100%), Kumpulan B (sederhana)= Skor antara 8-11 (53.33% - 73.33%), Kumpulan C (lemah) = Skor antara 0-7 (0% - 46.67%).

Intervensi dilaksanakan selama 4 minggu. Ujian pasca mengandungi soalan-soalan sesama ujian pra dan ditadbirkan selepas intervensi. Markah ujian pasca dibandingkan dengan markah ujian pra untuk ketiga-tiga kumpulan. Berikut adalah Jadual (3-5) yang mengandungi taburan markah pelajar untuk semua kumpulan.

Jadual 3

Taburan Markah Pelajar dalam Kumpulan (A) yang Memperolehi Markah yang Baik

n=11	Ujian Pra (15 markah)	Ujian Pasca (15 markah)	Perbezaan Skor selepas intervensi
A1	13	13	0
A2	14	14	0
A3	15	15	0
A4	13	14	+1
A5	14	14	0
A6	12	11	-1
A7	14	14	0
A8	15	15	0
A9	12	12	0
A10	13	13	0
A11	13	14	+1
Jumlah markah	148	149	
Min	13.45	13.55	
Peratusan (%)	89.67%	90.33	+0.66%

Berdasarkan dapatan yang dipaparkan dalam Jadual 3, Kumpulan A mempunyai 11 orang pelajar. Jumlah markah ujian pra yang diperolehi oleh pelajar dalam Kumpulan A (baik) adalah 148 di mana min adalah 13.45. Jumlah markah ujian pasca Kumpulan A selepas intervensi adalah 149 dan min adalah 13.55. Peratusan untuk ujian pra adalah 89.67% dan ujian pasca adalah 90.33%. Perbezaan peningkatan peratusan antara ujian pra dan ujian pasca Kumpulan A adalah 0.66% dan tidak signifikan.

Jadual 4

Taburan Pelajar dalam Kumpulan (B) yang Memperolehi Markah yang Sederhana

n=.9	Ujian Pra (15 markah)	Ujian Pasca (15 markah)	Perbezaan Skor selepas intervensi
B1	9	11	+2
B2	11	13	+2
B3	9	12	+3
B4	10	9	-1
B5	9	11	+2
B6	11	11	0
B7	9	9	0
B8	11	13	+2
B9	10	12	+2
Jumlah markah	89	101	
Min	9.89	11.22	
Peratusan (%)	65.93%	74.80%	+8.87%

Berdasarkan dapatan yang dipaparkan dalam Jadual 4, Kumpulan B terdiri daripada 9 orang pelajar. Jumlah markah ujian pra yang diperolehi oleh pelajar dalam Kumpulan B (sederhana) adalah 89 di mana min adalah 9.89. Jumlah markah ujian pasca selepas intervensi adalah 101 dan min adalah 11.22. Peratusan untuk ujian pra adalah 65.93% dan

Ujian pasca adalah 74.80%. Perbezaan peningkatan peratusan antara ujian pra dan ujian pasca untuk Kumpulan B adalah 8.87%.

Jadual 5

Taburan Pelajar dalam Kumpulan (C) yang Memperolehi Markah yang Rendah

n=.2	Ujian Pra (15 markah)	Ujian Pasca (15 markah)	Perbezaan Skor selepas intervensi
C1	7	12	+5
C2	5	4	-1
Jumlah markah	12	16	
Min	6.00	8.00	
Peratusan (%)	40.00%	53.33%	13.33%

Berdasarkan dapatan yang dipaparkan dalam Jadual 5, Kumpulan C mempunyai 2 orang pelajar. Jumlah markah ujian pra yang diperolehi oleh pelajar dalam Kumpulan C (rendah) adalah 12 di mana min adalah 6.00 Jumlah markah ujian pasca Kumpulan C selepas intervensi adalah 16.00 dan min adalah 8.00. Peratusan untuk ujian pra adalah 40.00% dan ujian pasca adalah 53.33%. Perbezaan peningkatan peratusan antara ujian pra dan ujian pasca adalah 13.33% dan mempunyai perbezaan peratusan yang terbesar antara tiga kumpulan pelajar dalam kajian.

Keputusan dan Intepretasi Data Kajian

Pada keseluruhannya, prestasi nyanyian pelajar selepas aktiviti-aktiviti tindakan menunjukkan bahawa kaedah nyanyian permulaan lagu dapat membantu sebilangan besar pelajar beryanyi dengan pic yang betul. Kebanyakan pelajar dapat mengecam dan mengenal pasti jeda dengan lebih mudah selepas intervensi. Proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran untuk jeda menjadi menarik melalui nyanyian lagu. Selepas intervensi, ramai pelajar yang terlibat dalam kajian dapat membezakan pelbagai jeda dengan lebih mudah melalui aktiviti-aktiviti tindakan kajian.

Secara umum, dapatan kajian selepas tindakan menunjukkan bahawa:

- i. 18.2 % pelajar masih belum dapat beryanyi permulaan lagu dalam pelbagai nada dengan pic yang betul semasa aktiviti tindakan ke 3.
- ii. 41% pelajar masih belum dapat beryanyi dalam pelbagai nada dengan pic yang betul semasa aktiviti tindakan ke 4.
- iii. tidak banyak perbezaan markah antara pelajar-pelajar dalam Kumpulan A. Peningkatan peratusan yang diperolehi semasa ujian pra dan pasca tidak signifikan;
- iv. prestasi empat pelajar dari Kumpulan B dapat meningkat dari peringkat sederhana ke peringkat baik selepas intervensi;
- v. prestasi seorang pelajar dari Kumpulan C dapat meningkat dari peringkat lemah ke peringkat baik serta mencapai kemajuan yang tertinggi (+5 markah, >33.00%); selepas intervensi; dan
- vi. intervensi memberi manfaat kepada pelajar dari Kumpulan B dan C.

Berdasarkan analisis dan dapatan kajian:

- i. sebahagian besar pelajar memerlukan lebih latihan dan bimbingan beryanyi permulaan lagu dalam pelbagai nada dan secara *a cappella*.
- ii. tempoh intervensi dan kekerapan latihan perlu dilanjutkan untuk memberi lebih manfaat kepada pelajar yang lemah;
- iii. pelajar C2 adalah pelajar yang sangat lemah (kemahiran *aural*) dan memerlukan lebih latihan bersemuka); dan
- iv. kebanyakan pelajar dalam Kumpulan A sudah memperolehi kemahiran mengenal pasti jeda sebelum tindakan dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti tindakan tidak memberi banyak manfaat kepada pelajar dalam kumpulan ini.

Rumusan dan Cadangan Kajian

Kaedah pembelajaran jeda melalui nyanyian permulaan lagu bukan sahaja membantu kebanyakan pelajar muzik beryanyi dengan pic yang betul dan mengenal pasti jeda, kaedah ini juga mempunyai potensi untuk

- i. diperluaskan kepada guru muzik untuk digunakan di sekolah.
- ii. dimodulkan dan disebar luas untuk penggunaan semua pelajar muzik IPGM.

Rujukan

- Balzano, G. J. (1982). The pitch set as a level of description for studying musical pitch perception, in *Music, Mind and Brain: The Neuropsychology of Music*, edited by Clynes M.), p. 321–351.
- Cook, N.D.(2009). Harmony perception: Harmoniousness is more than the sum of interval consonance, *Music Percept.* 27, 25-42.
- Edworthy,J.(1985). Interval and contour in melody processing, *Music Percept.* 2, 375-388.
- Forney, K. & Machilis, J. (2007). *The enjoyment of music*. New York : W.W. Norton & Company, Inc.
- Green, D. M. (1988). *Profile analysis: Auditory intensity discrimination*. Oxford University Press, Oxford.
- Kamien, R. (2011). *Music an appreciation*. New York : McGraw-Hill.
- Levin, Joel, L., Nordwall, Margeret,B., Glasman, Lynette,D. (1992). "Mnemonic vocabulary instruction:Additional effectiveness evidence". *Contemporary Educational Psychology* 17(2): p.156-174.
- McAlum, Harry, G., and Sharon,S. (2008) "The application of mnemonics as a pedagogical tool in audiation," Retrieved from <http://go.galegroup.com.myaccess.library.utoronto.ca/ps/i.do>. *Academy of Educational Leadership Journal* on May 2014.
- McDermott, J.H. (2010). Musical intervals and relative pitch: Frequency resolution, not interval resolution is important. *The Journal of Acoustical Society of America*,128(4) 1943-1951.

Schellenberg E., and Trehub S. E. (1996). Natural musical intervals: Evidence from infant listeners, *Psychol. Sci.*, 7, 272–277.

Smith, J. D., Nelson D. G. K., Grohskopf, L. A. and Appleton T. (1994). What child is this? What interval was that? Familiar tunes and music perception in novice listeners, *Cognition* 52, .23–54.

Soanes, C., Stevenson, A., and Hawker, S.(2006). *Concise oxford english dictionary*. 11th ed. Oxford University Press.

William, D. (2001). *The new grove dictionary of music and musicians*, 2nd ed., edited by Sadie, S and Tyrrell, J. London: Macmillan Publishers.

Yalch, R.F. (1991). “Memory in a jingle jungle: Music as a mnemonic device in communicating advertising slogans”. *Journal of Applied Psychology*, 76 (2), 268-275.